

31/12/2000

Ferri rancang restoran galeri

Azran Jaffar

SELAMA 15 tahun bertugas sebagai pramugara dengan Penerbangan Malaysia (MAS), Ferri Anugerah Makmur bukan saja berpeluang melawat negara orang tetapi menimba banyak pendedahan dalam pelbagai bidang terutama kemanusiaan dan perhubungan awam.

Kedua-dua bidang ini memberi kekuatan kepada beliau untuk berdikari, ditambah pula dengan kedudukannya sebagai insan seni. Akhirnya, pada 1995 Ferri mengambil keputusan meletakkan jawatan bagi memulakan bidang baru yang juga berkaitan dengan seni.

Langkah pertamanya selepas bersara sebagai pramugara tidak sia-sia apabila pameran yang dianjurkan mendapat sambutan menyebabkan beliau tidak berpaling lagi dan meneruskan perjuangannya untuk memastikan Anugerah Gallery yang ditubuhkan terus mendapat kejayaan.

"Sebelum ini saya banyak berkenalan dengan pelukis dan ketika bertugas dahulu jika ada kesempatan saya akan melawat muzium serta galeri lukisan dan daripada pengalaman ini wujud keinginan untuk bersara dan memulakan perniagaan sendiri," kata Ferri ketika memulakan perbualan kami pagi itu di anjung belakang rumahnya yang sudah diubah suai dengan mempamerkan ciri-ciri Bali.

Sambil sekejap-sekejap memerhatikan ikan di kolam takut-takut termasuk ke dalam lubang keluar air kerana pagi itu hujan lebat.

Ferri menambah, "Saya juga berasa kerjaya saya dengan Penerbangan Malaysia sudah sampai ke tahap yang mana keinginan untuk memimpin sudah berkurang di samping kesedaran untuk memimpin kocek sendiri semakin memuncak."

Maka apabila mendapat peluang membuat pameran lukisan khas bertajuk Anugerah Dunia Untuk Mahathir yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra sempena Perhimpunan Agung Umno 1995, Ferri meletak jawatan sementara pameran itu mendapat sambutan baik.

"Dari titik permulaan itu Anugerah Gallery terus berkembang dan kini adalah antara galeri lukisan milik Bumiputera yang agresif dan setiap tahun akan ada satu pameran utama," katanya dengan nada perlahan. Alunan muzik gamelan sesekali mencuri pendengaran kami.

Namun, menurut Ferri beliau serius dalam bidang ini kerana memikirkan seni dan budaya tempatan memerlukan banyak ruang untuk berkembang di samping sokongan yang diterima daripada pihak tertentu.

Dalam memilih pelukis untuk diketengahkan melalui galerinya Ferri berkata, beliau melihat kepada pelukis yang sudah matang di samping memberi peluang kepada pelukis baru supaya mereka dapat mengembangkan bakat.

"Pemilihan harus dilakukan supaya karya yang dipasarkan mempunyai nilai komersial. Bagaimanapun, saya tidak akan menerima karya yang melanggar tatasusila negara dan yang bersifat negatif walaupun karya-karya sebegini sebenarnya mendapat pasaran yang baik," jelasnya.

Pembabitan Ferri dalam bidang ini nampaknya tidak sia-sia kerana selepas lebih tiga tahun beroperasi beliau mampu mengembangkannya apabila membuka sebuah galeri di kompleks beli-belah Star Hill di Bukit Bintang pada awal tahun lalu.

"Galeri ini usaha sama dengan YTL Corporation yang menawarkan saya satu lot ruang di sini untuk dijadikan galeri kesan daripada hubungan yang terjalin sebelum ini kerana Tan Sri Francis Yeoh juga adalah seorang pengumpul lukisan," katanya.

Selepas itu, hasil hubungan dengan Plus Berhad pula, Anugerah Gallery berpeluang mengembangkan perniagaannya dengan pembukaan Galeri Art on Plus di restoran jejantas kawasan rehat Ayer Keroh di Lebuhraya Utara-Selatan.

"Galeri ini dibuka pada April lalu dan saya menganggap ia sumbangan Plus kepada masyarakat dan di sini saya bertindak sebagai perunding dalam mengadakan pameran dan membekalkan karya untuk dipamerkan selain membantu dalam soal operasi," katanya.

Ketika mula bertapak dahulu Ferri menjadikan rumahnya di Taman Sri Watan, Ampang dan rumah jiran yang disewa sebagai galeri dan kini dengan pembukaan kedua-dua galeri berkenaan rumahnya bertindak sebagai pejabat dan gudang menyimpan lukisan yang dikumpul.

"Selain itu rumah ini kadang-kadang menjadi tempat beberapa pelukis untuk berkarya dan ada juga beberapa pengumpul yang lebih suka datang ke sini untuk melihat lukisan yang dijual," katanya sambil menunjukkan beberapa lukisan yang tergantung dan disusun di lantai.

Sesungguhnya dengan pengubahsuaian yang menelan belanja sebanyak RM180,000 yang dilakukan ke atas rumah itu di samping lanskap menarik, ia mewujudkan satu suasana yang mampu merangsang seseorang untuk berkarya.

Antara pelukis yang pernah menggunakan kawasan rumah/galerinya untuk berkarya ialah Marcestel dari Perancis dan beberapa pelukis tempatan antaranya, Ismail Latif, Samsudin Mohamad, Kamarudin Talib serta Tayep Yop.

Dan kini selepas lima tahun meninggalkan kerjaya sebagai anak kapal, Ferri bersyukur kerana perniagaan yang diusahakan berjalan seperti yang diharapkan dan berkira untuk mengembangkannya lagi.

"Rancangan saya ialah untuk membuka restoran galeri, satu konsep perniagaan yang banyak di Indonesia di samping membuka perniagaan lanskap serta terbabit dalam bidang hartanah," katanya mengakhiri perbualan kami pagi itu sambil matanya memandang puas ke arah lanskap di hadapan rumahnya yang dibasahi hujan yang dibina sejak lima tahun lalu.

(END)